



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 54
No. 19

27hb September 2010

*TAMBAHAN No. 102
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 322.

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
DAN
AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

PERINTAH PELEPASAN CUKAI DUA KALI (KERAJAAN UNITED KINGDOM OF GREAT
BRITAIN DAN IRELAND UTARA) (PINDAAN) 2010

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 132(1) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dan subseksyen 65A(1) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [*Akta 543*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pelepasan Cukai Dua Kali (Kerajaan United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara) (Pindaan) 2010.**

Pelepasan cukai dua kali

2. Diisytiharkan bahawa perkiraan yang dinyatakan dalam Jadual telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara dengan tujuan meminda perkiraan yang terdahulu yang memberikan pelepasan cukai dua kali berhubung dengan cukai Malaysia dan cukai United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara (sebagaimana yang ditakrifkan dalam setiap hal dalam perkiraan itu) dan adalah suai manfaat bahawa perkiraan itu dikuatkuasakan.

JADUAL
(Perenggan 2)

PROTOKOL BAGI MEMINDA PERJANJIAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DENGAN KERAJAAN UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN DAN IRELAND UTARA BAGI MENGELAKKAN PENCUKAIAN DUA KALI DAN MENCEGAH PELARIAN FISKAL BERKENAAN DENGAN CUKAI ATAS PENDAPATAN YANG DITANDATANGANI DI KUALA LUMPUR PADA 10 DISEMBER 1996

Kerajaan Malaysia dan Kerajaan United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara;

Berhasrat untuk membuat satu Protokol bagi meminda Perjanjian antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan United Kingdom of Great Britain dan Ireland Utara bagi mengelakkan pencukaian dua kali dan mencegah pelarian fiskal berkenaan dengan cukai atas pendapatan, yang ditandatangani di Kuala Lumpur pada 10 Disember 1996, (kemudian daripada ini disebut “Perjanjian tersebut”);

Telah bersetuju seperti berikut:

PERKARA I

Perenggan (2) Perkara 25 Perjanjian tersebut dipotong dan diganti dengan perenggan berikut:

“(2) Peruntukan-peruntukan dalam Perjanjian ini, selain daripada peruntukan dalam Perkara 28, tidak akan terpakai kepada orang yang mendapat manfaat cukai istimewa di bawah:

- (a) undang-undang di salah satu Negara Pejanji yang telah dikenal pasti dalam Pertukaran Nota antara Negara Pejanji; atau
- (b) apa-apa undang-undang baru yang dilulus yang sebahagian besarnya serupa.”

PERKARA II

Perkara 28 Perjanjian tersebut dipotong dan digantikan dengan berikut:

“PERKARA 28

PERTUKARAN MAKLUMAT

(1) Pihak berkuasa kompeten Negara Pejanji hendaklah bertukar apa-apa maklumat sejauh mana yang perlu bagi menjalankan peruntukan Perjanjian ini atau pentadbiran atau dalam penguatkuasaan undang-undang dalam negeri Negara Pejanji berkenaan dengan semua jenis cukai dan apa juga pengenaan bagi pihak Negara Pejanji, atau subbahagian politik atau pihak-pihak berkuasa tempatan setakat mana pencukaian di bawahnya tidak bertentangan dengan Perjanjian ini, terutamanya, dalam menghindarkan penipuan dan bagi memudahkan pentadbiran peruntukan berkanun terhadap pelarian cukai. Pertukaran maklumat ini tidak terhad oleh Perkara 1 dan 2.

(2) Apa-apa maklumat yang diterima oleh Negara Pejanji di bawah perenggan (1) Perkara ini hendaklah dianggap sebagai rahsia sebagaimana maklumat yang diterima di bawah undang-undang dalam negeri Negara tersebut dan akan didedahkan hanya kepada orang atau pihak-pihak berkuasa (termasuk mahkamah dan badan-badan pentadbiran) yang terlibat dengan pentaksiran atau pemungutan, berkenaan dengan penguatkuasaan atau pendakwaan, pemutusan rayuan berhubungan dengan, cukai yang disebut dalam perenggan (1) Perkara ini, atau pengawasan tentang di atas. Orang atau pihak-pihak berkuasa seperti itu hendaklah menggunakan maklumat itu hanya bagi maksud sedemikian. Mereka boleh mendedahkan maklumat itu dalam prosiding mahkamah awam atau dalam keputusan kehakiman. Walau apa pun, maklumat yang diterima oleh Negara Pejanji boleh digunakan untuk tujuan lain apabila maklumat tersebut digunakan untuk tujuan lain di bawah undang-undang kedua-dua Negara dan pihak berkuasa kompeten di Negara pemberi maklumat memberi kuasa penggunaan sedemikian.

(3) Peruntukan di perenggan (1) dan (2) Perkara ini tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai menjadi tanggungjawab ke atas Negara Pejanji:

- (a) untuk menjalankan langkah pentadbiran yang bercanggah dengan undang-undang dan amalan pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (b) untuk membekalkan maklumat yang tidak boleh diperolehi di bawah undang-undang atau mengikut perjalanan biasa pentadbiran Negara Pejanji itu atau Negara Pejanji yang satu lagi itu;
- (c) untuk membekalkan maklumat yang akan mendedahkan apa-apa rahsia dagangan, perniagaan, perindustrian, komersial atau profesional atau proses dagangan, atau pendedahan maklumat yang akan bertentangan dengan polisi awam.

(4) Jika maklumat yang diminta oleh suatu Negara Pejanji itu sebagaimana mengikut Perkara ini, Negara Pejanji yang satu lagi akan mengambil langkah-langkah mengumpulkan maklumat untuk mendapatkan maklumat yang diminta, sungguhpun Negara yang satu lagi itu tidak ada keperluan akan maklumat tersebut bagi tujuan percukaianya sendiri. Tanggungjawab yang terdapat pada ayat tersebut tertakluk kepada penghadan dalam perenggan (3) Perkara ini tetapi tidak sekali-kali penghadan tersebut ditafsir sebagai membenarkan Negara Pejanji menolak untuk memberi maklumat hanya kerana tiada kepentingan dalam negeri ke atas maklumat tersebut.

(5) Peruntukan di perenggan (3) Perkara ini tidak sekali-kali boleh ditafsirkan sebagai membenarkan suatu Negara Pejanji untuk tidak memberi maklumat hanya kerana maklumat tersebut dipegang oleh bank, institusi kewangan yang lain, nomini atau seseorang yang bertindak dalam sebuah agensi atau bersifat fidusiari atau sebab ada kaitan dengan kepentingan pemilikan seseorang itu.”

PERKARA III

(1) Setiap Negara Pejanji hendaklah memberitahu pihak yang satu lagi, melalui saluran diplomatik, akan penyempurnaan prosedur yang dikehendaki di bawah undang-undangnya bagi membawa kepada penguatkuasaan Protokol ini. Protokol ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang terkemudian pemberitahuan ini.

(2) Peruntukan Protokol ini hendaklah berkuat kuasa bagi tahun percukaian bermula pada atau selepas 1 Januari dalam tahun kalendar yang mengikut tahun yang dalamnya Protokol ini mula berkuat kuasa.

PADA MENYAKSIKAN hal yang tersebut di atas, yang bertandatangan di bawah, yang diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan masing-masing, telah menandatangani Protokol.

DIBUAT dalam dua salinan di London pada 22 haribulan September 2009, dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris, kedua-dua teks sama autoritatifnya. Sekiranya terdapat apa-apa pertikaian dalam pentafsiran dan pemakaian Protokol ini teks Bahasa Inggeris hendaklah terpakai.

Bagi pihak
Kerajaan Malaysia

Bagi pihak
Kerajaan United Kingdom
of Great Britain dan Ireland Utara

Dibuat 23 Ogos 2010
[Perb: 0.6869/1 Vol. 12 (SK.1); PN(PU²)80A/XV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 132(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dan subseksyen 65A(5) Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967]

INCOME TAX ACT 1967
AND
PETROLEUM (INCOME TAX) ACT 1967

DOUBLE TAXATION RELIEF (THE GOVERNMENT OF THE UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND) (AMENDMENT) ORDER 2010

In exercise of the powers conferred by subsection 132(1) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] and subsection 65A(1) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967 [*Act 543*], the Minister makes the following order:

Citation

1. This order may be cited as the **Double Taxation Relief (The Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland) (Amendment) Order 2010**.

Double taxation relief

2. It is declared that the arrangements specified in the Schedule have been made by the Government of Malaysia with the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland with a view of amending the previous arrangements affording relief from double taxation in relation to Malaysian tax and United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland tax (as defined in each case in the arrangements) and that it is expedient that those arrangements shall have effect.

SCHEDULE
(Paragraph 2)

**PROTOCOL AMENDING THE AGREEMENT BETWEEN THE
GOVERNMENT OF MALAYSIA AND THE GOVERNMENT OF THE
UNITED KINGDOM OF GREAT BRITAIN AND NORTHERN IRELAND
FOR THE AVOIDANCE OF DOUBLE TAXATION AND THE PREVENTION
OF FISCAL EVASION WITH RESPECT TO TAXES ON INCOME SIGNED
AT KUALA LUMPUR ON 10TH DECEMBER 1996**

The Government of Malaysia and the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland;

Desiring to conclude a Protocol amending the Agreement between the Government of Malaysia and the Government of the United Kingdom of Great Britain and Northern Ireland for the avoidance of double taxation and the prevention of fiscal evasion with respect to taxes on income, signed at Kuala Lumpur on 10th December 1996, (hereinafter referred to as “the Agreement”);

Have agreed as follows:

ARTICLE I

Paragraph (2) of Article 25 of the Agreement shall be deleted and replaced by the following:

“(2) The provisions of this Agreement, other than the provisions of Article 28, shall not apply to persons entitled to any special tax benefit under:

- (a) a law of either one of the Contracting States which has been identified in an Exchange of Notes between the Contracting States; or
- (b) any substantially similar law subsequently enacted.”

ARTICLE II

Article 28 of the Agreement shall be deleted and replaced by the following:

“ARTICLE 28

EXCHANGE OF INFORMATION

(1) The competent authorities of the Contracting States shall exchange such information as is foreseeably relevant for carrying out the provisions of this Agreement or to the administration or enforcement of the domestic laws of the Contracting States concerning taxes of every kind and description imposed on behalf of the Contracting States, or of their political subdivisions or local authorities, insofar as the taxation thereunder is not contrary to this Agreement, in particular, to prevent fraud and to facilitate the administration of statutory provisions against tax avoidance. The exchange of information is not restricted by Articles 1 and 2.

(2) Any information received under paragraph (1) of this Article by a Contracting State shall be treated as secret in the same manner as information obtained under the domestic laws of that State and shall be disclosed only to persons or authorities (including courts and administrative bodies) concerned with the assessment or collection of, the enforcement or prosecution in respect of, the determination of appeals in relation to, the taxes referred to in paragraph (1) of this Article, or the oversight of the above. Such persons or authorities shall use the information only for such purposes. They may disclose the information in public court proceedings or in judicial decisions. Notwithstanding the foregoing, information received by a Contracting State may be used for other purposes when such information may be used for such other purposes under the laws of both States and the competent authority of the supplying State authorises such use.

(3) In no case shall the provisions of paragraphs (1) and (2) of this Article be construed so as to impose on a Contracting State the obligation:

- (a) to carry out administrative measures at variance with the laws and administrative practice of that or of the other Contracting State;
- (b) to supply information which is not obtainable under the laws or in the normal course of the administration of that or of the other Contracting State;
- (c) to supply information which would disclose any trade, business, industrial, commercial or professional secret or trade process, or information the disclosure of which would be contrary to public policy.

(4) If information is requested by a Contracting State in accordance with this Article, the other Contracting State shall use its information gathering measures to obtain the requested information, even though that other State may not need such information for its own tax purposes. The obligation contained in the preceding sentence is subject to the limitations of paragraph (3) of this Article but in no case shall such limitations be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because it has no domestic interest in such information.

(5) In no case shall the provisions of paragraph (3) of this Article be construed to permit a Contracting State to decline to supply information solely because the information is held by a bank, other financial institution, nominee or person acting in an agency or a fiduciary capacity or because it relates to ownership interests in a person.”

ARTICLE III

(1) Each of the Contracting States shall notify the other, through diplomatic channels, of the completion of the procedures required by its law for the bringing into force of this Protocol. The Protocol shall enter into force on the date of the later of these notifications.

(2) The provisions of this Protocol shall have effect with regard to tax years beginning on or after 1 January of the calendar year next following the year of the entry into force of this Protocol.

IN WITNESS WHEREOF the undersigned, duly authorised thereto by their respective Governments, have signed this Protocol.

DONE in duplicate at London on the 22nd day of September 2009 in the Bahasa Malaysia and English languages, both texts being equally authoritative. In the event of there being a dispute in the interpretation and the application of this Protocol, the English text shall prevail.

For the Government of Malaysia

For the Government
of the United Kingdom
of Great Britain and Northern Ireland

Made 23 August 2010

[Perb: 0.6869/1 Vol. 12 (SK.1); PN(PU²)80A/XV]

DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 132(6) of the Income Tax Act 1967 and subsection 65A(5) of the Petroleum (Income Tax) Act 1967]